



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 70  
Bil. 2

**26hb Januari 2017**

*TAMBAHAN*  
*No. 4*

---

---

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 Tahun 1965)

**No. 248.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Zaihasrulan Shah bin Zainal Abidin yang beralamat di Lot 806, Rpt Chenderong Batu 4, Jalan Tg. Tualang, 31000 Batu Gajah, Perak pengadai dalam gadaian yang tersebut dalam jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada tuan/puan pemegang gadai tersebut, suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah Seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Adalah diberi notis bahawa saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tuan/puan di Aras Bawah, Pejabat Tanah Kinta, Batu Gajah pada hari Selasa 7 Februari 2017 jam 10.00 pagi.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Tg. Tualang. No. Lot—300238. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 2951. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers: 303/2009.

Bertarikh 4 Januari 2017  
[KD 17/5-577]

SAIDAH BINTI ABU SAHIT  
*b.p. Pentadbir Tanah Kinta  
Batu Gajah*

**No. 249.**

(Seksyen 263)

## PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAI

Saya, Anita binti Amri Penolong Pentadbir Tanah Kerian, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan.

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa, 14 Mac 2017 pada jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah Kerian, 32400 Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan;
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM260,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Enam Puluh Ribu sahaja); dan
- (c) Luar simpanan Melayu.

Bahawa saya dapati jumlah yang perlu dijelaskan kepada pemegang gadai pada tarikh 6.12.2016 ialah RM265,439.83 sahaja.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Bagan Serai. No. Lot—20440. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 8886. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar gadaian (jika ada)—Per. No. 716/2013.

Bertarikh 6 Disember 2016  
[PTK(FC) 369/16/10]

ANITA BINTI AMRI  
*Penolong Pentadbir Tanah  
b.p. Pentadbir Tanah  
Kerian*

**No. 250.**

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Mary a/p Bernard beralamat di No. 82, Lorong SS8, Taman Simpang Setia Taiping, 34000 Perak dan atas permintaannya Kaveat Persendirian No. 15474/2013 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam jadual tersebut dan bahawasanya Pathinathan a/l Soosai telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 326 Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Asam Kumbang. No. Lot—30590. Jenis dan No. Hakmilik—PN 383717.

Bertarikh 1 April 2016  
[PTG.Pk. 23-4/11-108(A)]

MOHD RADDI BIN MOHD YUSOF  
*Pendaftar/Pentadbir Tanah*  
*Pejabat Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perak*

**No. 251.**

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Vijayentiren a/l Rajah beralamat di No. 104, Block 5, Jalan 1/9, Bandar Baru Bangi Kajang, 43650 Selangor dan atas permintaannya Kaveat Persendirian No. 6161/2016 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat syer yang berkenaan yang diperihalkan dalam jadual tersebut dan bahawasanya Ramachandran a/l Munusamy telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 326 Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kampar. No. Lot—310606. Jenis dan No. Hakmilik—P.N. 365297.  
No. Daftar Pajak/Gadaian (jika ada)—19302/200.

Bertarikh 28 Jun 2016  
[PTG.Pk. 23-4/8-72(A)]

MOHD SHAHRIZAN BIN MOHD SABRI  
*Pendaftar/Pentadbir Tanah*  
*Pejabat Pengarah Tanah dan Galian*  
*Perak*

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA